

PERBARISAN SERAH TERIMA TUGAS KETUA CAWANG KEJURUTERAAN PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4064-perbarisan-serah-terima-tugas-ketua-cawang-kejuruteraan-pangkalan-udara-gong-kedak

GONG KEDAK, 30 Okt 18 - Perbarisan Serah Terima Tugas Ketua Cawang Kejuruteraan telah diadakan di Pusat Servis Teknikal, Pangkalan Udara Gong Kedak. Perbarisan yang terdiri daripada 1 pegawai dan 65 anggota lain-lain pangkat Cawang Kejuruteraan ini telah diketuai Mej T.Nanthakumaran a/l Thulasy TUDM manakala Pegawai Waran Perbarisan ialah PW U II Mohd Kamil bin Abdullah.

Penyerahan serah terima tugas Ketua Cawang Kejuruteraan diantara Lt Kol Nornizam bin Kamarudin TUDM kepada Lt Kol Nor Mizan bin Md Nor TUDM telah disaksikan oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Suhaimi bin Hussain TUDM, pegawai-pegawai serta anggota lain-lain pangkat Cawang Kejuruteraan Pangkalan Udara Gong Kedak.

